

21/01/1999

BN Kelantan usaha hapus halangan mental

Veena Rusli

KETIKA Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan keyakinannya terhadap kemampuan Barisan Nasional (BN) menawan semula Kelantan pada pilihan raya umum akan datang, Pengrusi BN Kelantan, Datuk Annuar Musa yang duduk bersebelahan kelihatan mengangguk-anggukkan kepalanya.

Tiada siapa yang mengetahui apa yang tersirat di sebalik anggukannya. Ia mungkin tanda sokongan padu terhadap sikap optimis Dr Mahathir atau boleh jadi satu bentuk pengakuan betapa jentera pilihan raya BN negeri perlu bekerja keras dalam mencapai hasrat menggunung itu.

Mungkin kerana kenyataan itu datangnya daripada mulut Dr Mahathir selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, maka ia dianggap amat penting dalam menentukan hala tuju perjuangan dan harapan menggunung BN pada pilihan raya umum akan datang.

Hakikat itu tidak dinafikan Annuar, malah beliau kelihatan tegas menuturkan kesinambungannya: "Selepas ini, Pas di Kelantan terpaksa bergerak mengikut rentak Umno Kelantan. Kita tunggu dan lihat saja."

Annuar yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan perlu memastikan strategi yang dirancang bersama rakan lain cenderung ke arah menzahirkan impian yang sudah hampir sembilan tahun digenggam erat oleh Pas.

Beliau sedar ahli Umno negeri ini sering dikaitkan dengan masalah dan percakaran dalaman yang dengan sendirinya memesongkan perhatian daripada agenda menawan Kelantan.

Justeru, Annuar menegaskan segala rasa kurang senang atau kekeliruan di peringkat akar umbi yang selama ini menjadi duri dalam daging terhadap perjuangan Umno Kelantan sudah diatasi menerusi pelbagai pendekatan rasional.

"Selama ini kita sering dimomokkan dengan andaian Umno tidak boleh menang di Kelantan kerana mempunyai terlalu banyak masalah dalaman, walhal (Umno) di negeri lain juga ada masalahnya yang tersendiri.

"Tanggapan itu bertapak sejak lama dulu hingga menjadi semacam halangan mental di kalangan ahli Umno walaupun pada hakikatnya Pas juga ada masalah dalaman, cuma tidak digembar-gemburkan atau dibincang secara terbuka kerana mereka mempunyai capaian terhadap media utama," katanya dalam satu pertemuan dengan Berita Harian.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata, sejak beberapa bulan lalu, beliau dan rakan pemimpin Umno Kelantan memberi perhatian penuh terhadap agenda membersihkan peringkat akar umbi daripada segala masalah dalaman bagi meraih kembali persepakatan dan persefahaman dalam meneruskan perjuangan parti.

"Apabila kelodak di dasar sudah dibersihkan, kita dapati tugas untuk mengharung arus menjadi lebih mudah dan saya berani katakan, barisan Umno Kelantan yang ada hari ini adalah jauh lebih baik berbanding beberapa tahun sebelumnya," katanya.

Beliau sememangnya tidak mempunyai banyak pilihan selain bersikap optimis dalam perkara ini dan buat pertama kali, keyakinannya memuncak apabila membicarakan soal peluang BN untuk menamatkan penguasaan Pas di Kelantan.

Berbeza dengan senario pilihan raya umum 1990 dan 1995 yang menyaksikan Pas berganding bersama Parti Melayu Semangat 46 (S46) dan beberapa parti lain menerusi Angkatan Perpaduan Ummah (Apu), Pas nampaknya akan

keseorangan dalam mengharungi cabaran kali ini.

Bagi Annuar, keadaan itu adalah platform paling adil dalam mengukur kekuatan BN dan Pas kerana masing-masing harus berjuang sendiri tanpa bersandarkan pengaruh atau bantuan pihak ketiga.

Menurutnya, analisis semasa menunjukkan Umno dan Pas mempunyai penyokong (pengundi) setia yang sama banyak iaitu kira-kira 35 peratus bagi setiap parti manakala baki 30 peratus adalah golongan yang lebih gemar memerhati perkembangan kedua-dua pihak.

"Tugas kita sekarang adalah untuk meyakinkan kelompok 30 peratus ini bahawa sokongan mereka wajar menjurus ke arah BN dan di sinilah letaknya kepentingan BN membariskan calon yang sesuai.

"Sesuai di sini bermaksud BN hanya akan mempertimbangkan calon yang berwibawa dalam melaksanakan tanggungjawabnya dan mempunyai hubungan baik dengan rakyat.

"BN akan menampilkan barisan yang jauh lebih mantap berbanding Pas dan mereka ini adalah gabungan calon yang mempunyai pengalaman di peringkat Pusat, berpengaruh dalam bidang akademik, berpengetahuan dalam aspek agama dan paling utama, diterima oleh akar umbi.

"Kita akan bersikap lebih luwes dan tidak teragak-agak menyuntik muka baru di mana perlu," katanya.

Sebagai anak jati Kelantan, Annuar faham benar dengan sikap rakyat tempatan yang amat pragmatik dalam politik dan pada masa sama, mahukan calon yang mempunyai kewibawaan serta keperibadian terpuji.

Menurutnya, rakyat sedang meneliti segala sumbangan Pas dari aspek pembangunan di samping menilai kewibawaan pentadbiran parti pembangkang itu sejak memenangi pilihan raya umum 1990.

Beliau berkata, jentera BN negeri akan membuat kupasan mendalam dan menyeluruh di samping memberi penerangan kepada rakyat berhubung pencapaian Pas selama berkuasa di Kelantan.

Ibarat ombak yang mula reda, Annuar menyifatkan pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri; keadaan ekonomi yang kian pulih dan perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang makin surut bahangnya adalah antara rahmat yang melimpahi perjuangan Umno Kelantan.

"Haluan kita semakin jelas dan nyata manakala kekuatan serta perpaduan di kalangan ahli parti dalam jentera Umno Kelantan semakin mantap," katanya.

Menjawab soalan sama ada keyakinan Dr Mahathir tempoh hari adalah keyakinan Umno Kelantan, Annuar berkata: "Kami cuma memberi maklum balas berhubung keadaan semasa dan jika beliau yakin BN boleh menang di Kelantan, seharusnya kami berkongsi keyakinan itu."

Begitupun, cadangan BN untuk kembali bertuan di Kelantan dianggap oleh sesetengah pihak, khususnya Pas sebagai tidak lebih daripada seloka politik buat menghibur hati yang sudah hampir sedekad berkecamuk dan gundah gulana.

Seperti diduga, Pas pantas tampil menyatakan keyakinannya mempertahankan Kelantan pada pilihan raya akan datang, malah menjangka mampu mengulangi sejarah kegemilangannya ketika menawan negeri itu pada 1990.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata melahirkan keyakinan itu berdasarkan contoh pemerintahan yang ditunjukkan kerajaan negeri pimpinannya sejak mengambil alih teraju pemerintahan hampir sembilan tahun lalu.

Pandangannya turut dikongsi oleh Dewan Pemuda Pas Negeri Kelantan (DPPNK) selaku sayap kanan parti yang membuat kesimpulan bahawa selepas dua penggal kempunan, sudah sewajarnya BN melahirkan keyakinan secara terbuka bagi kembali meraih kepercayaan rakyat.

Setiausaha DPPNK, Takiyuddin Hassan, berkata rakyat Kelantan masih yakin

dengan kemampuan kerajaan negeri mentadbir secara telus dan adil dengan Islam sebagai landasan.

"Sebelum kenyataan Dr Mahathir itu, kita tidak pernah mendengar mana-mana pemimpin Umno Kelantan menyatakan keyakinannya berhubung peluang merampas Kelantan daripada Pas.

"Kita tidak tahu sama ada beliau (Dr Mahathir) diberi maklumat silap atau sengaja ingin menyedapkan hati, tetapi Pas harap BN tidak bertindak di luar batasan undang-undang atau lunas demokrasi kerana pentas terbaik untuk menawan Kelantan ialah menerusi gelanggang pilihan raya," katanya.

Gurindam dan seloka politik memang kerap kedengaran menjelang musim pilihan raya. Dengan mengambil kira semua aspek, terpulanglah kepada BN Kelantan untuk menterjemahkan impian mereka dengan harapan ia bakal berubah menjadi nada paling lunak, bukan sekadar berputih mata melayan igauan semata-mata.

(END)